

LATIHAN RBT TINGKATAN 3

Tajuk: Penghasilan Produk

Nama:	
Tingkatan:	

1. Padankan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul. [5 markah]

A	Halaman ini untuk memberikan pujian dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan secara langsung dan tidak langsung semasa proses menghasilkan produk.			Penutup
B	Mengandungi maklumat yang diperoleh daripada situasi permasalahan, kajian keperluan pelanggan, penyelesaian masalah inventif dan projek brief.			Lampiran
C	Memaparkan anggaran jangka masa yang ditetapkan bagi menyiapkan projek.			Jadual kerja
D	Memuatkan harapan pereka bentuk terhadap produk yang dihasilkan agar mampu mencapai objektif penghasilannya.			Pengenalan
E	Semua bahan dan rujukan yang digunakan dalam reka bentuk produk dimasukkan ke bahagian ini.			Penghargaan

2. Berikut adalah kepentingan dokumentasi projek. [3 markah]

A	Rujukan dan penyelidikan
B	Bukti rekaan
C	Paten

Padankan kepentingan dokumentasi projek dengan penerangan yang betul dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada ruang jawapan yang disediakan.

Penerangan	Jawapan
Permohonan perlindungan atas produk yang dihasilkan.	
Inovasi atau melakukan Penyelidikan dan Pembangunan.	
Hasil reka sendiri dengan pelbagai maklumat.	